

Asean sepakat perangi keganasan

ARF dijangka tangani serangan siber yang mencetus akibat lebih parah

Oleh Jamhariah Jaafar

KUTUKAN lantang Asean dan rakan dialognya yang bersidang di Kuala Lumpur berikutan tindakan keganasan di Asia Barat serta konflik yang mencetuskan peperangan, memungkinkan mesyuarat Forum Serantau Asean (ARF) hari ini menumpukan perhatian kepada usaha mempromosi pendekatan berteraskan rakyat bagi menangani keganasan (people-centred approach to counter terrorism) - bukan saja secara fizikal bahkan melalui ruang siber.

Perkara lebih penting dan perlu dihayati semua pihak ialah keinsafan dan pendirian tegas semua Menteri Luar serta perwakilan ARF bahawa 'keganasan tidak patut dikaitkan dengan sebarang anutan agama, budaya, bangsa atau kewarganegaraan'.

ARF yang akan menggandingkan negara anggota Asean dan rakan dialog, antara lain membabitkan negara paling berpengaruh dunia termasuk Amerika Syarikat (AS), China, Kesatuan Eropah (EU), Jepun, Australia dan India, kini memasuki pusingan lebih serius kerana program yang dirancang sudah memasuki peringkat pelaksanaan yang diharap dapat disebar hingga ke peringkat akar umbi.

Isu keganasan sebagai topik utama dan menjadi lebih penting apabila konflik di Lubnan semakin tegang dan pertelingkahan membabitkan program nuklear Korea Utara yang masih tidak diketahui sama ada mesyuarat sampingan Enam Negara dapat diadakan hari ini.

Sehingga petang semalam, Korea Utara masih belum memberi kata putus untuk menyertai rundingan di Kuala Lumpur, walaupun negara perunding lain iaitu AS, China, Jepun, Korea Selatan dan Russia, bersetuju dan komited untuk berunding, dengan Malaysia tidak menghadapi masalah untuk menyediakan kemudahan bagi mesyuarat itu, di samping menyelitkan pada celah kesibukan forum sepanjang hari ini.

Sumber diplomat berkata, antara yang mungkin dipersetujui pada mesyuarat ARF ialah setiap negara anggota akan menggaris pelbagai inisiatif yang boleh diguna pertubuhan serantau atau antarabangsa untuk menangani isu keganasan.

Matlamat paling penting ialah pendekatan berteraskan rakyat dalam menangani isu keganasan ini, di mana setiap negara anggota perlu meningkatkan usaha mempromosi sikap saling menghormati, persefahaman dan tolak ansur warga dunia tanpa mengira agama, kepercayaan dan budaya.

"Menteri serta perwakilan yang hadir dijangka turut mendesak kuasa dunia terutama AS untuk melaksana lebih banyak langkah positif bagi memastikan tindakan keganasan dapat dikekang, ditangani dan tindak balas segera dapat diambil sekiranya wujud ancaman seumpama.

"Justeru, kami sependapat dalam usaha menangani isu ini dan konsep berteraskan rakyat adalah penting untuk setiap negara menggunakan setiap peringkat masyarakat termasuk golongan akademik, media massa, pertubuhan bukan kerajaan, kumpulan komuniti dan institusi relevan yang lain untuk turut bekerjasama untuk membanteras tindakan yang boleh membawa bencana dan penderitaan kepada warga dunia,"



SALING KERJASAMA: Menteri Luar Asean mencapai banyak persetujuan menangani masalah serantau termasuk memerangi keganasan.

tegas diplomat terbabit.

Antara cadangan yang mungkin dikemukakan bagi mengukuhkan konsep pendekatan melalui rakyat ini ialah:

- Meningkatkan tahap kesedaran rakyat mengenai ancaman keganasan;
- Mengambil segala langkah perlu untuk memastikan setiap warga dunia diberi perlindungan daripada sebarang keganasan;
- Mengukuhkan rangkaian perkongsian maklumat.

Isu keganasan antarabangsa secara fizikal yang mula menghantui warga dunia selepas serangan menara berkembar Pusat Dagangan Dunia di New York pada 11 September, 2001, kini mula menular ke ruang siber.

Menginsafi dunia tidak lagi memiliki sempadan dan tindakan ganas kini bukan lagi berlaku secara fizikal yang berasaskan peperangan atau pembunuhan, mesyuarat ARF hari ini dijangka turut bersetuju mengadakan kerjasama untuk menangani serangan siber dan penganas yang menyalahgunakan ruang siber.

Mereka dijangka berbincang mengenai penyalahgunaan ruang siber yang bukan saja boleh mencetuskan akibat yang jauh lebih parah, bahkan ia boleh menular dan merebak lebih pantas daripada keganasan fizikal.

"Serangan siber bukan hanya akan menyebarkan virus kebencian sesama manu-

sia dengan lebih pantas, bahkan ia adalah jenayah yang perlu dibendung kerana ia turut boleh melumpuhkan ekonomi dan kemakmuran sesebuah negara, pertubuhan dan individu," kata diplomat terbabit.

Antara cadangan yang mungkin dibuat pada mesyuarat hari ini ialah:

- Mengenalpasti unit keselamatan siber dan meningkatkan koordinasi di kalangan agensi terbabit dengan jenayah ini di kalangan negara anggota;
- Mewujudkan pemantauan peringkat kebangsaan, amaran dan tindak balas pantas;
- Mengadakan latihan, perpindahan teknologi dan mendapatkan semula infrastruktur yang musnah serta mengesan aktiviti berbentuk sabotaj;
- Menggalakkan perkongsian antara sektor swasta dan kerajaan dalam bidang keselamatan maklumat dan usaha menangani jenayah siber;
- Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap keselamatan siber.

Mesyuarat ARF kali ini turut bertumpu kepada kehadiran Setiausaha Negara AS, Condoleezza Rice, yang tiba di Kuala Lumpur, semalam. Selain daripada luahan tidak puas hati terhadap kegagalan AS untuk memainkan peranan lebih serius bagi meleraikan konflik antarabangsa, Asean akan turut menggunakan peluang bertemu wanita paling berpengaruh di dunia hari ini,

untuk menjalin hubungan lebih erat dengan AS.

Pelan Tindakan untuk melaksanakan Peningkatan Perkongsian Asean-AS yang ditandatangani antara negara anggota Asean dan AS, diharap dapat mengukuhkan kerjasama ekonomi dan ekonomi, di samping meningkatkan komunikasi antara kedua-dua pihak serta memastikan AS terus menjadi penyokong kuat Asean yang ingin memastikan rantau ini terus aman, stabil dan makmur.

Dalam perkembangan lain, selain daripada harapan untuk melihat Kuala Lumpur hari ini dapat menjadi medan rundingan untuk Enam Negara yang terbabit, dengan usaha untuk meleraikan konflik membabitkan program nuklear Korea Utara, perhatian media massa turut bertumpu kepada demonstrasi membantah tindakan Israel menyerang Lubnan yang dijangka dianjurkan Pergerakan Pemuda Umno Malaysia.

Demonstrasi seumpama adalah antara pendekatan berteraskan rakyat yang sudah pasti paling popular. Ketika ia dilihat mungkin mencatatkan imej Malaysia sebagai negara tuan rumah oleh pelawat asing, namun demonstrasi secara aman tidak patut dihalang kerana ia adalah suara warga dunia yang prihatin terhadap kesengsaraan Asia Barat yang menjadi mangsa sikap angkuh Israel dan sekutunya.